



KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik Bahasa dan Budaya *Sarawak*

EDITOR

MARY FATIMAH SUBET

KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik Bahasa dan Budaya Sarawak

Buku ini merupakan kompilasi dua belas artikel daripada tenaga akademik Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Ada antara artikel-artikel ini pernah dibentangkan tetapi tidak diterbitkan. Atas rasa kesedaran supaya bahan penyelidikan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya, maka satu inisiatif dilaksanakan untuk membukukan artikel-artikel ini. Data-data yang dianalisis dalam dua belas artikel berkenaan diperoleh daripada masyarakat Melayu, Iban, Bidayuh dan Kejaman. Walaupun cuma daripada empat etnik ini, buku ini merupakan satu permulaan ke arah membukukan pelbagai kajian dalam bidang linguistik, bahasa dan budaya pelbagai etnik di Sarawak ini. Buku ini secara tidak langsung memberi gambaran perihal latar belakang masyarakat peribumi di Sarawak. Maklumat yang dikemukakan dalam buku ini sangat bermanfaat kepada pembaca untuk menambah maklumat dalam bidang-bidang berkenaan. Pelbagai topik dibicarakan yang mencakupi bidang fonologi, morfologi, sosiolinguistik, semantik dan pragmatik. Artikel tentang budaya seperti pantun atau patun masyarakat Bidayuh Jagoi dan masyarakat Melayu Sarawak, serta seni pembuatan parang ilang masyarakat Iban juga turut dimuatkan. Menariknya, buku ini juga memuatkan kajian tentang bahasa Kejaman yang merupakan satu daripada bahasa yang terdapat di Sarawak yang dipercayai akan pupus dan lenyap daripada persada linguistik kerana jumlah penuturnya yang kecil, iaitu kurang daripada 500 penutur. Justeru, buku ini dapat bertindak sebagai dokumen penting untuk rujukan dalam bidang bahasa, linguistik dan budaya masyarakat di Sarawak ini.



MARY FATIMAH SUBET selaku Editor buku ini ialah nama pena Dr Fatimah Hj. Subet, seorang pensyarah kanan di Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (PBMP) (Kep) dari Universiti Putra Malaysia, Ijazah Sarjana Pengajian Bahasa Moden dari Universiti Malaya, Ijazah Kedoktoran dalam bidang Linguistik dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan Diploma Pascasiswazah dari Universiti Malaysia Sarawak. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai seorang guru di peringkat menengah atas. Kajian beliau banyak tertumpu dalam bidang semantik, pragmatik, kesusastraan Melayu, bahasa Melayu serta dialek Melayu Sarawak termasuk kajian bahasa Bidayuh, bahasa Iban, bahasa Punjabi dan bahasa Tamil. Beliau sangat aktif sebagai penulis, penyelidik, penceramah, hakim pertandingan, pembentang dan banyak lagi aktiviti berkaitan bahasa dan linguistik bersama Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Penerangan Malaysia.

UNIMAS
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK
PUBLISHER

ISBN 978-967-2008-99-6

9 78967 2008996
MYR 33.75

KOMPILASI ARTIKEL

Linguistik Bahasa dan Budaya *Sarawak*

KOMPILASI ARTIKEL

Linguitik
Bahasa dan
Budaya
Sarawak

EDITOR

MARY FATIMAH SUBET

KANDUNGAN

Prakata	xi
Penghargaan	xiii
1 Penguasaan Fonologi Kanak-Kanak dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Mary Fatimah Subet, Salbia Haji Hassan</i>	1
2 Morfologi: Analisis Produktiviti Imbuhan Awalan dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Salbia Haji Hassan</i>	13
3 Analisis Pragmatik Pantun Bidayuh: Mengesan Penyesuaian Nilai dan Cara <i>Mary Fatimah Subet</i>	25
4 Kata Ganda Semu dalam Dialek Melayu Sarawak(DMS) <i>Salbia Haji Hassan</i>	41
5 Manifestasi Kata Sifat dalam Dialek Melayu Sarawak (DMS) <i>Wan Robiah Hj. Meor Osman, Rosnah Mustafa</i>	55
6 Istilah Melayu Lama dalam Pertuturan Harian Melayu Sarawak <i>Monaliza Sarbini-Zin, Haikal Hammaad Zin</i>	67
7 Manifestasi Masa dalam Dialek Melayu Sarawak <i>Wan Robiah Hj. Meor Osman, Rosnah Mustafa</i>	83
8 Kelangsungan dan Vitaliti (Daya Bahasa) Bahasa dalam kalangan Kaum Kejaman di Sarawak <i>Amee Joan</i>	99

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	Proses Penyingkatan Perkataan ke Ekasuku	5
Jadual 1.2	Pemotongan dan Penyingkatan Rangkap Konsonan	6
Jadual 1.3	Suku Kata Kanonik	7
Jadual 1.4	Geluncuran Likuida	7
Jadual 1.5	Asimilasi	8
Jadual 1.6	50 Ujaran (data utama)	8
Jadual 1.7	Min Panjang Ujaran (MLU)	10
Jadual 6.1	Definisi Istilah Melayu Lama	69
Jadual 6.2	Perbandingan kiraan frekuensi antara informan dari Sarawak dan negeri-negeri lain di Malaysia yang mengetahui dan tidak mengetahui makna istilah –istilah Melayu lama.	76
Jadual 6.3	Istilah-istilah Melayu lama yang diketahui maknanya mengikut urutan menurun antara informan-informan DMS dan negeri-negeri lain di Malaysia.	77
Jadual 6.4	Istilah-istilah Melayu lama yang diguna pakai dalam pertuturan harian informan DMS berbanding informan negeri-negeri lain di Malaysia, mengikut urutan menurun.	78
Jadual 6.5	Perbandingan antara penutur DMS dengan bukan penutur DMS yang mengenali istilah sebagai bahasa lama/klasik atau tidak; dan mereka yang langsung tidak berpengetahuan tentang istilah-istilah ini.	80
Jadual 7.1	Kitaran Hari	86
Jadual 7.2	Kitaran Minggu	89
Jadual 7.3	Urutan Kitaran Waktu (Minggu) Dialek Melayu Sarawak & Dialek Kedah	90
Jadual 7.4	Kitaran Bulan/Tahun	91
Jadual 7.5	Tempoh/masa	92

PRAKATA

Buku ini memuatkan 12 artikel daripada pensyarah Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dalam tiga bidang kajian, iaitu linguistik, bahasa dan budaya. Artikel-artikel berkenaan menggunakan data daripada masyarakat Melayu, Iban, Bidayuh dan Kejaman.

Rata-rata fokus artikel ialah hasil perbincangan terhadap analisis data yang dikutip daripada masyarakat berkenaan. Buku ini secara tidak langsung memberi gambaran perihal latar belakang masyarakat Melayu dan peribumi lain di Sarawak. Maklumat yang dikemukakan dalam buku ini sangat bermanfaat kepada pembaca untuk mengetahui perihal penduduk negeri Sarawak.

Bab 1 merupakan analisis tentang pemerolehan fonologi kanak-kanak. Bab ini mengupas perihal pemerolehan fonologi kanak-kanak yang telah dibekalkan dengan kebolehan menggunakan bahasa sejak lahir. Bab 2 pula membicarakan aspek morfologi dalam dialek Melayu Sarawak (DMS). Tumpuan bab ini ialah produktiviti imbuhan awalan yang digunakan dalam DMS.

Pantun atau *patun* dalam bahasa Bidayuh mengandungi rahsia kebahasaan. Bab 3 meninjau tentang kewujudan implikatur dalam patun untuk mencari makna yang tersirat.

Bab 4 pula ialah artikel tentang proses penggandaan semu dalam DMS dengan membincangkannya berdasarkan empat kelas kata utama, iaitu kelas kata kerja (KK), kelas kata nama (KN), kelas kata sifat/adjektif (KS) dan kata adverba/keterangan (Kk).

Tutur kata dan perlakuan sosial masyarakat Melayu Sarawak memancarkan kesantunan dan ketinggian akal budi. Bab 5 buku ini memanfaatkan data deskripsi tentang kata sifat mereka yang mencerminkan adat dan budayanya yang unik dan tersendiri.

PENGHARGAAN

Para penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UNIMAS khususnya UNIMAS Publisher kerana kesudian menerbitkan kumpulan artikel ini.

Jutaan terima kasih juga ditujukan khas kepada pihak Yayasan Sarawak atas sumbangan dana untuk menjalankan penyelidikan dan penghasilan buku ini. Kerjasama dan sokongan daripada pihak Yayasan Sarawak meningkatkan motivasi dalam kalangan penulis untuk membukukan hasil kajian ilmiah mereka.

Penghargaan terima kasih juga ditujukan khas kepada para informan yang sangat baik hati dan telah bekerjasama memberikan maklumat sehingga dapat dijadikan sebagai data untuk tujuan analisis dan penghasilan artikel-artikel berkenaan. Nama mereka dinukilkil bersama-sama hasil kutipan data di dalam buku ini. Kerjasama yang diberikan dapat membantu usaha ke arah membukukan hasil tulisan ilmiah ini untuk bacaan khusus mahupun umum serta akan dapat dijadikan rujukan pada bila-bila masa diperlukan.

Akhir sekali, penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada orang perseorangan yang turut menyumbang secara langsung atau tidak langsung dalam proses penulisan dan penerbitan buku ini.

Terima Kasih.

PANTUN BIDAYUH JAGOI: BENTUK LUARAN DAN DALAMAN

Mary Fatimah Subet

Pengenalan

Kesopanan berbahasa dalam kalangan masyarakat Bidayuh turut dapat dilihat walaupun sekadar dalam pengucapan pantun, tanpa bercakap meleret-leret. Pendek kata, kepintaran mereka bermain bahasa terserlah ketika mereka mengucapkan pantun secara spontan sahaja. Namun yang pasti, pantun-pantun jika diucapkan memerlukan penutur yang terabbit menyampaikan pandangan, pendapat dan pengetahuan mereka dengan menggunakan mesej yang tersirat. Usaha perlu dilaksanakan untuk memastikan kelangsungan tradisi lisan ini mampu bertahan untuk menjadi warisan khazanah sastera yang tidak ternilai pentingnya. Hal ini kerana salah satu sumber untuk mengenali sesuatu bangsa serta budaya mereka adalah melalui tradisi sastera bangsa itu. Misalnya, dengan mengambil contoh tradisi lisan masyarakat Melayu.

Cubaan untuk menghasilkan bab ini telah membawa penulis mengumpul beberapa cerita lisan dan puisi lisan masyarakat Jagoi, Biatah, Bukar Sadong dan Selako Lara. Walau bagaimanapun, daripada empat etnik Bidayuh berkenaan, kebanyakannya pantun yang dikemukakan sebagai contoh dalam buku ini ialah pantun daripada etnik Bidayuh Jagoi. Selain itu, pantun yang menjadi tumpuan ialah sama ada pantun dua kerat atau pantun empat kerat. Ada pendapat mengatakan bahawa puisi Melayu tradisional merupakan jiwa kepada Bahasa Melayu. Melaluiinya, terpancar budi masyarakat penggunanya. Pendapat ini telah diakui oleh Wilkinson dan Winstedt (1957) bahawa memahami pantun Melayu adalah penting bagi mengenali budi Melayu. Mereka mengatakan bahawa;